

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 27 TAHUN 2007

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PENILAIAN GRED W17, W22, W26**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini adalah bertujuan melaksanakan keputusan kerajaan untuk mengubah syarat lantikan skim perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17, W22, W26 yang telah diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah yang dikeluarkan mulai 10 Julai 2006 oleh Institut Penilaian Negara (INSPEN), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta sebagai setaraf dengan kelayakan sijil daripada politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. Selaras dengan pengiktirafan tersebut, perbekalan syarat lantikan skim perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17, W22, W26 diubah sewajarnya bagi memasukkan kelayakan berkenaan sebagai salah satu syarat lantikan yang baru.

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PENILAIAN

3. Skim perkhidmatan Pembantu Penilaian yang diubah ini memperuntukkan satu (1) kelayakan tambahan iaitu Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan berkuat kuasa adalah **dikekalkan**.

4. Skim perkhidmatan Pembantu Penilaian yang diubah adalah seperti di **Lampiran A**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B** dan Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**. Penghuraian kerja perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan sebagai Pembantu Penilaian hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17, W22, W26 yang diubah dan syarat-syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PELAKSANAAN

6. Dengan berkuat kuasa skim perkhidmatan Pembantu Penilaian yang diubah ini, semua Pembantu Penilaian Gred W17, W22, W26 yang sedang berkhidmat adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan Pembantu Penilaian yang telah diubah di bawah pekeliling perkhidmatan ini.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

7. Gaji permulaan pegawai yang terlibat ditetapkan mengikut kaedah seperti berikut:

- (a) Pembantu Penilaian Gred W17 dengan kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah daripada Institut Penilaian Negara, Jabatan Penilaian dan

Perkhidmatan Harta yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 2008 akan ditetapkan di matagaji P1T9:RM1221.17;

- (b) Pembantu Penilaian Gred W17 dengan kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah daripada Institut Penilaian Negara, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 2008 dan berada di matagaji P1T8 dan ke bawah akan ditetapkan di matagaji P1T9:RM1221.17; dan
- (c) Pembantu Penilaian Gred W17 dengan kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah daripada Institut Penilaian Negara, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang sedang berkhidmat pada 1 Januari 2008 dan berada di matagaji P1T9 dan ke atas tidak terlibat dengan penetapan gaji permulaan yang baru ini.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai yang sedang berkhidmat dan terlibat dengan urusan penetapan gaji permulaan baru hendaklah diberi terlebih dahulu pada tarikh kuat kuasa sebelum diselaras ke matagaji permulaan baru.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

9. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu (1) TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

10. Contoh kaedah pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan terlibat adalah seperti di Lampiran E, E1, E2 dan E3 bagi skim perkhidmatan Pembantu Penilaian.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

11. Pelaksanaan syarat lantikan baru bagi skim perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17, W22, W26 tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim perkhidmatan Pembantu Penilaian yang diubah.

12. Pegawai yang sedang berkhidmat atau lantikan baru bagi skim perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17, W22, W26 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

13. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17, W22, W26 yang baru adalah mulai **1 Januari 2008**.


PEMAKAIAN

14. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

AM

15. Dengan berkuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Penilaian yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah diubah seperti di **Lampiran A**.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 Disember 2007

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PENILAIAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred W17	: P1T1 RM821.89	- P1T24 RM2152.86
	: P2T1 RM873.32	- P2T24 RM2274.01
	: P3T1 RM926.26	- P3T24 RM2399.46
Gred W22	: P1T1 RM1916.94	- P1T12 RM2839.55
	: P2T1 RM2059.12	- P2T12 RM3136.04
Gred W26	: P1T1 RM2198.26	- P1T9 RM2984.74
	: P2T1 RM2408.50	- P2T9 RM3267.62

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T1); atau
 - Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institut Penilaian Negara (INSPEN) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T9)
- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred W17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- Pembantu Penilaian Gred W17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

- LATIHAN**
4. Pembantu Penilaian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Penilaian Gred W17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Penilaian Gred W17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pembantu Penilaian hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED W22**
9. Pembantu Penilaian Gred W17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penilaian Gred W22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED W26**
10. Pembantu Penilaian Gred W22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penilaian Gred W26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN**
11. Pembantu Penilaian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini mengubah skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt.2(3)].

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : PEMBANTU PENILAIAN
- (b) Kementerian/ Jabatan : PELBAGAI AGENSI
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN KEWANGAN

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred W17	: P1T1 RM821.89	- P1T24 RM2152.86
	: P2T1 RM873.32	- P2T24 RM2274.01
	: P3T1 RM926.26	- P3T24 RM2399.46
Gred W22	: P1T1 RM1916.94	- P1T12 RM2839.55
	: P2T1 RM2059.12	- P2T12 RM3136.04
Gred W26	: P1T1 RM2198.26	- P1T9 RM2984.74
	: P2T1 RM2408.50	- P2T9 RM3267.62

3. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (c) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T1); atau

- (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institut Penilaian Negara (INSPEN) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T9)

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- 4. Taraf Jawatan : Tetap
- 5. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 6. Fungsi Bidang Tugas : (untuk diisi oleh ketua jabatan/ perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
- 7. Tarikh Tutup Permohonan : (nyatakan tarikh tutup permohonan)

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN KEWANGAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: W17 (PEMBANTU PENILAIAN)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: WA17000

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI SSM : W17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	821.89	871.80	921.71	971.62	1021.53	1071.44	1121.35	1171.26	1221.17	1271.08	1320.99	1370.90	1420.81	1487.36	1553.91	1620.46	1687.01	1753.56	1820.11	1886.66	1953.21	2019.76	2086.31	2152.86
P2	873.32	924.75	976.18	1027.61	1079.04	1130.47	1181.90	1233.33	1284.76	1336.19	1387.62	1439.05	1508.63	1578.21	1647.79	1717.37	1786.95	1856.53	1926.11	1995.69	2065.27	2134.85	2204.43	2274.01
P3	926.26	979.20	1032.14	1085.08	1138.02	1190.96	1243.90	1296.84	1349.78	1402.72	1455.66	1528.26	1600.86	1673.46	1746.06	1818.66	1891.26	1963.86	2036.46	2109.06	2181.66	2254.26	2326.86	2399.46

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN KEWANGAN
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: W22 (PEMBANTU PENILAIAN)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: WA22000

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI SSM : W22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12
P1	1916.94	1983.49	2050.04	2116.59	2183.14	2249.69	2316.24	2382.79	2449.34	2515.89	2582.44	2648.99
P2	2059.12	2131.72	2204.32	2276.92	2349.52	2422.12	2494.72	2567.32	2639.92	2712.52	2785.12	2857.72

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN KEWANGAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: W26 (PEMBANTU PENILAIAN)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: WA26000

III. TARIKH KUAT KUASA: 1.1.2008

JADUAL GAJI SSM : W26

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9
P1	2198.26	2296.57	2394.88	2493.19	2591.90	2689.81	2788.12	2886.43	2984.74
P2	2408.50	2515.89	2623.28	2730.67	2838.06	2945.45	3052.84	3160.23	3267.62

**PENGHURAIAN KERJA
PEMBANTU PENILAIAN GRED W17**

1. PERINGKAT ORGANISASI

1.1 Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

2. RINGKASAN TUGAS

2.1 Menerima arahan dan membantu menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran;

2.2 Menerima arahan dan membantu dalam tugas informasi harta tanah;

2.3 Menerima arahan dan membantu menjalankan latihan dan penyelidikan; dan

2.4 Mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Kerja Ikhtisas

(a) Membantu menjalankan penilaian harta tanah dan membantu dalam proses memastikan penilaian yang dibuat adalah berkualiti. Ini adalah termasuk menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

(i) Membuka dan mendaftar fail (jika perlu);

- (ii) Mengambil perbandingan;
 - (iii) Membuat lawatan dan pemeriksaan harta tanah;
 - (iv) Menyemak butir hakmilik dan perancangan;
 - (v) Menyelidik maklumat dan menganalisis data;
 - (vi) Menyediakan pelan-pelan bangunan, lokasi, perbandingan dan aktiviti lain yang perlu;
 - (vii) Membantu menyediakan laporan nilai yang berkualiti; dan
 - (viii) Melaporkan nilai dalam had kuasa melapor yang diberi.
- (b) Membantu menjalankan kajian kerja penyelidikan dan mengemaskini maklumat secara berterusan.
- (i) Membantu dalam penyediaan laporan bagi penerbitan Jabatan; dan
 - (ii) Membantu dan menjalankan kerja ikhtisas lain seperti diarahkan dari semasa ke semasa.
- (c) Pengurusan
- (i) Menjalankan dan mengikuti latihan termasuk *On The Job Training* dan aktiviti lain yang berkaitan.

- (d) Tugas Lain
 - (i) Membantu memberi syarahan atau taklimat apabila dikehendaki;
 - (ii) Membuka, mendaftar dan mencari fail;
 - (iii) Merekodkan maklumat penilaian harta tanah ke dalam komputer;
 - (iv) Membantu menyediakan statistik beban kerja di pejabat; dan
 - (v) Tugas lain seperti diarahkan.

3.2 Hubungan Dengan Pihak Lain

- (a) Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah
Menyiasat hakmilik tanah;
- (b) Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Menyiasat maklumat perancangan tanah;
- (c) Penguasa Tempatan
Menyiasat maklumat perancangan tanah dan maklumat pelan bangunan serta Nilai Tahunan;
- (d) Agensi Lain dan Individu
Pelbagai maklumat yang berkaitan.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- (a) Rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit yang sama; dan
- (b) Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama

4.2 Luaran

- (a) Orang awam;
- (b) Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (c) Syarikat Swasta;
- (d) Badan Berkanun;
- (e) Peguam;
- (f) Pemaju Perumahan; dan
- (g) Penilai, Pentaksir dan Ejen Tanah.

5. PERSEKITARAN KERJA

- 5.1 Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

6. LATIHAN

- 6.1 Pembantu Penilaian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

7. ANCAMAN/ BAHAYA

- 7.1 Terdedah kepada penyelewengan dan unsur-unsur rasuah; dan
- 7.2 Terdedah kepada kemalangan (semasa kerja di lapangan, semasa perjalanan dan semasa lawat periksa harta tanah).

**PENGHURAIAN KERJA
PEMBANTU PENILAIAN GRED W22**

1. PERINGKAT ORGANISASI

1.1 Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

2. RINGKASAN TUGAS

2.1 Menerima arahan dan membantu menyelia kerja-kerja penilaian harta tanah dan urusan-urusan pentadbiran berkaitan;

2.2 Menerima arahan dan menyelia tugas-tugas informasi harta tanah;

2.3 Menerima arahan dan menyelia kerja-kerja berkaitan latihan dan penyelidikan; dan

2.4 Mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Kerja Ikhtisas

(a) Menjalankan kerja-kerja penyeliaan dalam tugas penilaian harta tanah dan memastikan penilaian berkualiti, termasuk:

(i) Membuka dan mendaftar fail (jika perlu);

(ii) Mengambil perbandingan;

- (iii) Membuat lawatan dan pemeriksaan harta tanah;
 - (iv) Menyemak butir hakmilik dan perancangan;
 - (v) Menyelidik maklumat dan menganalisis data;
 - (vi) Menyediakan pelan-pelan bangunan, lokasi, perbandingan dan aktiviti lain yang perlu;
 - (vii) Menyediakan laporan nilai yang berkualiti; dan
 - (viii) Melaporkan nilai dalam had kuasa melapor yang diberi.
- (b) Sebagai penyelia kepada Pembantu Penilaian Gred W17 semasa menjalankan kajian kerja penyelidikan dan mengemaskini maklumat secara berterusan.
- (i) Membantu dan menyelia dalam penyediaan laporan bagi penerbitan Jabatan; dan
 - (ii) Membantu dan menyelia serta menjalankan kerja ikhtisas lain seperti diarahkan dari semasa ke semasa.
- (c) Pengurusan
- (i) Menjalankan dan mengikuti latihan termasuk *On The Job Training* dan aktiviti lain yang berkaitan.
- (d) Tugas Lain
- (i) Memberi syarahan atau taklimat apabila dikehendaki;
 - (ii) Menyelia kerja-kerja membuka, mendaftar dan mencari

- fail;
- (iii) Menyelia kerja-kerja merekodkan maklumat penilaian harta tanah ke dalam komputer;
- (iv) Membantu dan menyelia kerja-kerja penyediaan statistik beban kerja di pejabat; dan
- (v) Tugas lain seperti diarahkan dari semasa ke semasa.

3.2 Hubungan Dengan Pihak Lain

- (a) Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah
Menyiasat hakmilik tanah;
- (b) Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Menyiasat maklumat perancangan tanah;
- (c) Penguasa Tempatan
Menyiasat maklumat perancangan tanah dan maklumat pelan bangunan serta Nilai Tahunan; dan
- (d) Agensi Lain dan Individu
Pelbagai maklumat yang berkaitan.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- (a) Rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit yang sama; dan
- (b) Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama

4.2 Luaran

- (a) Orang awam;
- (b) Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan;
- (c) Syarikat Swasta;
- (d) Badan Berkanun;
- (e) Peguam;
- (f) Pemaju Perumahan; dan
- (g) Penilai, Pentaksir dan Ejen Tanah.

5. PERSEKITARAN KERJA

- 5.1 Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

6. LATIHAN

- 6.1 Pembantu Penilaian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

7. ANCAMAN/ BAHAYA

- 7.1 Terdedah kepada penyelewengan dan unsur-unsur rasuah; dan
- 7.2 Terdedah kepada kemalangan (semasa kerja di lapangan, semasa perjalanan dan semasa lawat periksa harta tanah);

**PENGHURAIAN KERJA
PEMBANTU PENILAIAN GRED W26**

1. PERINGKAT ORGANISASI

1.1 Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

2. RINGKASAN TUGAS

2.1 Menerima arahan dan mengetuai kerja-kerja melibatkan urusan penilaian harta tanah dan pentadbiran;

2.2 Menerima arahan dan mengetuai sesebuah unit dalam menjalankan tugas informasi harta tanah;

2.3 Menerima arahan dan menjalankan latihan dan penyelidikan; dan

2.4 Mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

3. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

3.1 Kerja Ikhtisas

(a) Menjalankan penilaian harta tanah dan memastikan penilaian berkualiti, termasuk:

(i) Membuka dan mendaftar fail (jika perlu);

(ii) Mengambil perbandingan;

- (iii) Membuat lawatan dan pemeriksaan harta tanah;
 - (iv) Menyemak butir hakmilik dan perancangan;
 - (v) Menyelidik maklumat dan menganalisis data;
 - (vi) Menyediakan pelan-pelan bangunan, lokasi, perbandingan dan aktiviti lain yang perlu;
 - (vii) Menyediakan laporan penilaian yang berkualiti; dan
 - (viii) Melaporkan penilaian dalam had kuasa melapor yang diberi.
- (b) Menjalankan kajian kerja penyelidikan dan mengemaskini maklumat secara berterusan.
- (i) Menyediakan laporan bagi penerbitan Jabatan; dan
 - (ii) Menjalankan kerja ikhtisas lain seperti diarahkan dari semasa ke semasa.
- (c) Pengurusan
- (i) Menjalankan dan mengikuti latihan termasuk *On The Job Training* dan aktiviti lain yang berkaitan.
- (d) Tugas Lain
- (i) Memberi syarahan atau taklimat apabila dikehendaki;
 - (ii) Membuka, mendaftar dan mencari fail;
 - (iii) Merekodkan maklumat penilaian harta tanah ke dalam komputer;
 - (iv) Menyediakan statistik beban kerja di pejabat; dan

- (v) Tugas lain seperti diarahkan.

3.2 Hubungan Dengan Pihak Lain

- (a) Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah
Menyiasat hakmilik tanah;
- (b) Pengarah Perancangan Bandar dan Desa
Menyiasat maklumat perancangan tanah;
- (c) Penguasa Tempatan
Menyiasat maklumat perancangan tanah dan maklumat pelan bangunan serta Nilai Tahunan; dan
- (d) Agensi Lain dan Individu
Pelbagai maklumat yang berkaitan.

4. HUBUNGAN KERJA

4.1 Dalaman

- (a) Rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit yang sama; dan
- (b) Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

4.2 Luaran

- (a) Orang awam;
- (b) Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempata;
- (c) Syarikat Swasta;

- (d) Badan Berkanun;
- (e) Peguam;
- (f) Pemaju Perumahan; dan
- (g) Penilai, Pentaksir dan Ejen Tanah

5. PERSEKITARAN KERJA

- 5.1 Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

6. LATIHAN

- 6.1 Pembantu Penilaian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

7. ANCAMAN/ BAHAYA

- 7.1 Terdedah kepada penyelewengan dan unsur-unsur rasuah; dan
- 7.2 Terdedah kepada kemalangan (semasa kerja di lapangan, semasa perjalanan dan semasa lawat periksa harta tanah).

LAMPIRAN E**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
(Bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17 Yang Mempunyai
Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah Pada Tarikh Kuat Kuasa)****Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal Gred W17 : 1 Januari****TPG Baru Gred W17****: 1 Januari mulai 2009**

Tarikh	Gred W17		Catatan
	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	
31.12.2007	1171.26 (P1T8)	-	Gaji akhir di Gred W17
1.1.2008	1221.17 (P1T9)	-	TPG Asal ialah pada 1 Januari. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
1.1.2008	1221.17 (P1T9)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pindaan Gaji Permulaan. Tidak Terlibat Dengan Pelarasan Ke Matagaji Permulaan Baru Kerana Telah Berada Di P1T9 (Gaji Permulaan Bagi Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah)
1.1.2009	1271.08 (P1T10)	-	TPG Kekal. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

LAMPIRAN E1**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
(Bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17 Yang Mempunyai
Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah Pada Tarikh Kuat Kuasa)****Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal Gred W17 : 1 April****TPG Baru Gred W17****: 1 Januari mulai 2009**

Tarikh	Gred W17		Catatan
	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	
31.12.2007	1171.26 (P1T8)	-	Gaji akhir di Gred W17
1.1.2008	1221.17 (P1T9)	-	TPG Asal ialah pada 1 April. Diberi Pergerakan Gaji Pada 1 Januari. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
1.1.2008	1221.17 (P1T9)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pindaan Gaji Permulaan. Tidak Terlibat Dengan Pelarasan Ke Matagaji Permulaan Baru Kerana Telah Berada Di P1T9 (Gaji Permulaan Bagi Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah)
1.1.2009	1271.08 (P1T10)	-	TPG Kekal. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

LAMPIRAN E2

**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
(Bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17 Yang Mempunyai
Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah Pada Tarikh Kuat Kuasa)**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal Gred W17 : 1 Julai

TPG Baru Gred W17

: 1 Januari mulai 2009

Tarikh	Gred W17		Catatan
	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	
31.12.2007	1121.35 (P1T7)	-	Gaji akhir di Gred W17
1.1.2008	1171.26 (P1T8)	-	TPG Asal ialah pada 1 Julai. Diberi Pergerakan Gaji Pada 1 Januari. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
1.1.2008	1171.26 (P1T8)	1221.17 (P1T9)	Tarikh Kuat Kuasa Pindaan Gaji Permulaan. Gaji Diselaraskan Ke Matagaji Permulaan Baru Di P1T9 (Gaji Permulaan Bagi Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah)
1.1.2009	-	1271.08 (P1T10)	TPG Kekal. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.

LAMPIRAN E3**KAEDAH PELARASAN GAJI KE MATAGAJI PERMULAAN BARU
(Bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Penilaian Gred W17 Yang Mempunyai
Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah Pada Tarikh Kuat Kuasa)****Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Asal Gred W17 : 1 Oktober****TPG Baru Gred W17****: 1 Januari mulai 2009**

Tarikh	Gred W17		Catatan
	Gaji Sekarang (RM)	Gaji Baru (RM)	
31.12.2007	1071.44 (P1T6)	-	Gaji akhir di Gred W17
1.1.2008	1121.35 (P1T7)	-	TPG Asal ialah pada 1 Oktober. Diberi Pergerakan Gaji Pada 1 Januari. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
1.1.2008	1121.35 (P1T7)	1221.17 (P1T9)	Tarikh Kuat Kuasa Pindaan Gaji Permulaan. Gaji Diselaraskan Ke Matagaji Permulaan Baru Di P1T9 (Gaji Permulaan Bagi Kelayakan Sijil Penilaian Harta Tanah)
1.1.2009	-	1271.08 (P1T10)	TPG Kekal. Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM.